

D688

U B220 BAH

UMNO - PERPADUAN

KUALA LUMPUR, 29 SEPT. (BERNAMA) -- PRESIDEN UMNO, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MAHUKAN PARA ANGGOTA UMNO MENYUSUN BARISAN DAN MENGUKUHKAN PERPADUAN UNTUK MENGHADAPI PILIHANRAYA AKAN DATANG.

BELIAU BERKATA PILIHANRAYA YANG MUNGKIN DIADAKAN TAHUN DEPAN ATAU PADA 1987 MERUPAKAN UJIAN PENTING BUKAN SAHAJA BAGI UMNO TETAPI JUGA UNTUK BANGSA MELAYU DAN ISLAM.

KATANYA, WALAUPUN PERBEZAAN PENDAPAT DAN PERCANGGAHAN PEMIKIRAN WUJUD DI KALANGAN ANGGOTA PARTI, TETAPI INI TIDAKLAH SEMESTINYA MENJADI PENGHALANG KE ARAH PERPADUAN DALAM PARTI.

+HARGAILAH PERPADUAN INI WALAUPUN ADA PERSELISIHAN FAHAM, POLITIK WANG DAN PEREBUTAN KUASA ANTARA KITA KERANA PERKARA ITU TIDAK SEHARUSNYA MEMISAHKAN KITA DARIPADA BEKERJASAMA,+ KATANYA SEMASA BERUCAP PADA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO KHAS DI SINI HARI INI.

MENYENTUH PERHIMPUNAN AGUNG PULA, DATUK SERI DR MAHATHIR MENYIFATKAN PENDAPAT-PENDAPAT PARA WAKIL SEBAGAI BERNAS WALAUPUN SIDANG TIDAK SEGAMAT TAHUN-TAHUN SEBELUMNYA. -- LAGI.

1828MST 29 09 85

UMNO - PERPADUAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGANGGAP PERBEZAAN PENDAPAT ANTARA PARA WAKIL DENGAN PEMIMPIN ADALAH PERKARA BIASA DAN ANGGOTA-ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI MENERIMA SETIAP PENDAPAT YANG DIKEMUKAKAN.

SAMBIL BERJENAKA, BELIAU MENEKANKAN SELALUNYA PERWAKILAN YANG BANYAK MENGEMUKAKAN KRITIKAN KEPADA KERAJAAN DAN ANGGOTA MAJLIS LEBIH POPULAR DARIPADA MEREKA YANG BANYAK MEMPERSETUJUI SETIAP APA YANG DILAKUKAN OLEH KERAJAAN.

YANG PENTING, KATANYA, WALAU APA PUN KEPUTUSAN YANG DICAPAI, TETAPI ANGGOTA-ANGGOTA UMNO HARUSLAH MERAPATKAN BARISAN DAN MENYOKONG SUARA RAMAI DEMI MENGEKALKAN KEUTUHAN PARTI.

+DENGAN KEKUATAN ITULAH KITA AKAN DIHORMATI OLEH SEMUA BANGSA DALAM DAN LUAR NEGERI,+ TEGAS BELIAU.

BELIAU BERKATA UMNO MEMBUKTIKAN IA DAPAT KEKAL SELAMA 39 TAHUN DALAM SEJARAH POLITIK NEGARA BERBANDING DENGAN PARTI-PARTI LAIN YANG TIDAK BERTAHAN LAMA. -- LAGI.

1830MST 29 09 85

D691

U B222 BAH

UMNO - PERPADUAN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYERU SEMUA ANGGOTA MENGEKALKAN KEWUJUDAN UMNO DEMI KEPENTINGAN BANGSA MELAYU, AGAMA DAN NEGARA.

BELIAU MENGHARGAI DERMA YANG DISAMPAIKAN OLEH PARA WAKIL UNTUK TABUNG BANGUNAN UMNO, SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA SETIAP SUMBANGAN ITU AMAT BERMAKNA KEPADA PARTI.

KATANYA, WALAUPUN TELAH WUJUD JUTAWAN-JUTAWAN MELAYU TETAPI BELUM ADA YANG SANGGUP MENDIRIKAN SEBUAH KOMPLEKS SEPERTI YANG DIPUNYAI OLEH UMNO KINI DAN KERANA ITU SUMBANGAN BERSAMA MASIH DIPERLUKAN. -- BERNAMA

1832MST 29 09 85